

27 JUN 2001

Samy-Mangsa

KABINET LULUS BANTUAN BAGI MANGSA PERGADUHAN DI KAMPUNG MEDAN

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Kabinet hari ini meluluskan permintaan MIC supaya bantuan ehsan berjumlah RM265,000 dibayar kepada mangsa dan waris mereka yang mati dalam pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di Kampung Medan dan kawasan sekitarnya di Jalan Klang Lama di sini, awal tahun ini.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memangku jawatan Menteri Kewangan meluluskan jumlah itu di mesyuarat mingguan Kabinet.

"Saya mengemukakan permintaan MIC itu kepada Kementerian Kewangan dalam mesyuarat Kabinet April lepas dan hari ini Perdana Menteri telah meluluskan permintaan kita," kata beliau kepada BERNAMA apabila dihubungi di sini, hari ini.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata isteri kepada empat orang India yang mati dalam pergaduhan itu masing-masing akan menerima RM10,000 sementara yang cedera pula masing-masing akan menerima antara RM2,000 dan RM3,000.

"Bayaran akan dibuat secepat mungkin," kata beliau.

Menteri itu berkata, bagi mereka yang mengalami kerosakan harta benda semasa pergaduhan itu, mereka akan dibayar selepas nilai kerugian dikenalpasti.

Seramai enam orang -- empat warga Malaysia daripada masyarakat India, seorang warga India dan seorang warga Indonesia mati manakala lebih 40 orang cedera dalam pergaduhan itu pada Mac lepas. Beberapa rumah dan harta lain seperti motosikal dirosakkan atau dibakar.

Berikutan kejadian itu, polis telah menahan mereka yang terlibat dan beberapa daripada mereka telahpun dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan hukuman.

Kebanyakan daripada mangsa mengadu yang mereka tidak menerima apa-apa pampasan daripada kerajaan seperti yang dijanjikan.

Samy Vellu berkata MIC juga sedang berunding dengan beberapa pemaju untuk menyediakan rumah kos rendah pada kadar konsesi kepada empat balu itu.

"Rundingan dijangka selesai dalam masa dua atau tiga minggu lagi," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

ES AU PR